

PM kesal khabar angin

Oleh AMINUDDIN IBRAHIM

ALOR STAR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini kesal dengan sikap sesetengah pihak yang menyebarkan khabar angin bahawa kononnya beliau kini sakit dan akan menjalani pembedahan.

Beliau berkata: "Saya sendiri tidak faham kenapa ada pihak mengeluarkan kenyataan negatif ini.

"Saya pergi sana sini, semua orang lengok saya dan itu pun ada orang menyatakan saya ni sakit. Dulu saya pergi ke England untuk tujuan lain, tetapi ada pula pihak mendakwa kononnya saya ke sana untuk menjalani pembedahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan negatif sesetengah pihak terhadapnya selama ini.

"Kenyataan negatif itu mungkin untuk orang lain atau kepada seseorang yang mukanya mirip dengan saya. Saya anggap ini satu latihan yang tidak baik," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini, petang ini.

Perdana Menteri tiba di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Teluk Malik, Jitra.

Mengenai laporan akhbar negara asing bahawa pasaran saham turut terjejas berikutan tuduhan negatif terhadapnya, Perdana Menteri berkata: "Barangkali itu tujuan sebenar orang tertentu, iaitu sengaja menjejaskan pasaran saham dan pembangunan negara masa kini."

Beliau berkata: "Malaysia akan terus berusaha mencapai matlamat sebagai sebuah negara termaju di dunia menjelang 2020 walaupun saya tidak ada lagi.

"Takkanlah negara ini kena tutup jika saya tak ada. Banyak lagi orang lain yang boleh meneruskan pembangunan," katanya.